

05/11/1998

Cuepacs mohon kerja lima hari

KUALA LUMPUR, Rabu - Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan mengemukakan permohonan bekerja lima hari seminggu dalam pertemuan akan datang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Agung Cuepacs, N Siva Subramaniam berkata, cadangan berkenaan tidak bermakna mengurangkan produktivi kerana kaedah itu sudah dibuktikan oleh sektor swasta yang mampu meningkatkan pengeluaran walaupun bekerja lima hari seminggu.

"Cutit dua hari seminggu antara lain dapat menggalakkan pekerja bersama keluarga dan mendorong pelancongan tempatan," katanya, hari ini.

Semalam, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali menyatakan kerajaan belum bercadang melaksanakan waktu bekerja lima hari bagi kakitangan awam seperti yang dicadangkan kesatuan sekerja.

Siva berkata, Cuepacs juga akan mengemukakan cadangan pemberian insentif bagi pekerja sebagai ganti bonus tahun ini.

(END)